


**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(AKTA 171)**

**UNDANG-UNDANG KECIL
PASAR BORONG
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2002**

P.U.(A) 278/2002

SENARAI PINDAAN :

| BIL. | NO. P.U.(A) NO. P.U.(B) | TARIKH DIWARTAKAN | CATITAN |
|-------------|------------------------------------|------------------------------|----------------|
| 1 | | | |
| 2 | | | |
| 3 | | | |
| 4 | | | |
| 5 | | | |
| 6 | | | |
| 7 | | | |
| 8 | | | |



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46
No. 14

11hb Julai 2002

TAMBAHAN No. 70
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 278.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL PASAR BORONG
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2002**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PASAR BORONG AWAM

3. Lesen pemborong
4. Permohonan bagi lesen
5. Lesen tidak boleh dikeluarkan kepada orang yang di bawah umur lapan belas tahun

Undang-
undang
kecil

6. Lesen pemborong tidak boleh diserahkan, dsb.
7. Lesen pemborong hendaklah berkenaan dengan gerai tertentu
8. Penentuan jenis barang-barang untuk jualan
9. Pembatalan lesen
10. Pemegang lesen hendaklah menyerahkan lesen semasa pembatalan
11. Penggantian lesen
12. Pemborong dikehendaki hadir di gerai dan pelantikan penama semasa ketiadaannya
13. Daftar pengendali
14. Daftar pembekal
15. Permohonan pendaftaran sebagai pembekal dan pengendali
16. Pengambilan seorang pembantu
17. Dokumen hendaklah mengandungi butir-butir mengenai barang-barang
18. Pembesar suara, dsb. tidak boleh digunakan
19. Bekas barang-barang
20. Memuatkan atau memunggah barang
21. Memakai teg nama atau pengenalan
22. Bilik sejuk
23. Kawalan kenderaan yang memasuki pasar borong awam
24. Larangan menggunakan dan membekalkan perkhidmatan
25. Mengalihkan perkakas dan bejana
26. Waktu perniagaan

BAHAGIAN III

PASAR BORONG PERSENDIRIAN

27. Lesen diperlukan bagi pasar borong persendirian
28. Permohonan bagi lesen pasar borong persendirian
29. Fi tidak boleh dibayar balik
30. Bayaran balik deposit
31. Notis pemberhentian
32. Pelucuthakan deposit dan pembatalan lesen
33. Penyerahan lesen pasar borong persendirian
34. Meja, dsb. untuk mempamerkan barang-barang

Undang-
undang
kecil

35. Bilik sejuk di pasar borong persendirian
36. Pencerhayaan dan pengalihan udara

BAHAGIAN IV

PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN BARANG-BARANG

37. Kehendak bagi pengendalian dan penyimpanan barang-barang

BAHAGIAN V

PELBAGAI

38. Lesen hendaklah dipamerkan
39. Penjualan barang-barang yang tidak menyihatkan, dsb. tidak dibenarkan
40. Kacau ganggu
41. Pemeriksaan perubatan
42. Orang yang dilarang
43. Kebersihan
44. Kebersihan diri
45. Pengadaan tong sampah dan pelupusan sampah
46. Racun perosak dilarang
47. Merokok dilarang
48. Pengecualian
49. Kecualian
50. Penalti

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL PASAR BORONG
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pasar Borong (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2002**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barang-barang” ertinya daging, ikan, buah, sayur atau apa-apa barang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar;

“borong” ertinya penjualan barang-barang kepada peruncit bagi maksud perdagangan;

“buah” termasuklah apa-apa hasil yang disediakan daripada buah;

“daging” ertinya bahagian boleh dimakan dari otot rangka sesuatu binatang dan apa-apa hasil yang disediakan daripada daging;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*];

“ikan” termasuklah apa-apa ikan laut, ikan air payau atau ikan air tawar dan hidupan air yang lain dan apa-apa hasil yang disediakan daripada ikan;

“kenderaan” termasuklah apa-apa bahagian kenderaan yang boleh ditanggalkan atau kontena dengan atau tanpa roda disambungkan;

“lesen pasar borong persendirian” ertinya suatu lesen pasar borong persendirian yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 28;

“lesen pemborong” ertinya lesen pemborong yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4;

“pasar borong” ertinya mana-mana pasar borong awam atau persendirian;

“pasar borong awam” ertinya sesuatu pasar borong yang dimiliki, dipajak atau disenggarakan oleh Datuk Bandar;

“pasar borong persendirian” ertinya sesuatu pasar borong selain pasar borong awam;

“pembantu” ertinya seseorang yang diambil bekerja oleh seorang pemborong dengan kelulusan Datuk Bandar di bawah undang-undang kecil 16;

“pembekal” ertinya seseorang pembekal yang berdaftar dengan Datuk Bandar untuk membekalkan barang-barang kepada pemborong;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah undang-undang kecil 28 untuk menubuhkan, mengendalikan atau menjalankan suatu pasar borong persendirian;

“pemborong” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah undang-undang kecil 4 untuk menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa barang di pasar borong awam;

“penama” ertinya seseorang yang dinamakan oleh seorang pemborong di bawah undang-undang kecil 12 dengan kelulusan Datuk Bandar untuk menguruskan perniagaan pemborong itu selama tempoh pemborong itu tidak ada di gerainya;

“pengendali” ertinya seseorang pengendali yang berdaftar dengan Datuk Bandar untuk menghantar atau mengangkut barang-barang di sesuatu pasar borong awam;

“sayur” ertinya apa-apa tumbuhan atau bahagian sesuatu tumbuhan dan termasuklah apa-apa hasil yang dibuat daripada tumbuhan.

BAHAGIAN II

PASAR BORONG AWAM

Lesen pemborong

3. Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa barang di sesuatu pasar borong awam tanpa suatu lesen pemborong yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Permohonan bagi lesen

4. (1) Sesuatu permohonan bagi lesen pemborong hendaklah dibuat secara bertulis kepada Datuk Bandar dalam apa-apa borang dan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Datuk Bandar hendaklah menimbangkan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (1) dan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Apabila Datuk Bandar meluluskan permohonan lesen di bawah perenggan (2), suatu lesen hendaklah dikeluarkan—

- (a) dalam apa-apa bentuk dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Datuk Bandar;
- (b) apabila dibayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan
- (c) atas asas tahunan dan boleh dilanjutkan sehingga tempoh maksimum tidak melebihi tiga tahun bagi satu pengeluaran.

(4) Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini boleh diperbaharui tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual tiga puluh hari sebelum habis tempoh lesen itu.

(5) Jika Datuk Bandar menolak permohonan di bawah perenggan (2), Datuk Bandar hendaklah memberi pemohon itu alasan-alasan bagi penolakan itu.

Lesen tidak boleh dikeluarkan kepada orang yang di bawah umur lapan belas tahun

5. Tiada lesen boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang yang di bawah umur lapan belas tahun.

Lesen pemborong tidak boleh diserahkan, dsb.

6. Tiada lesen boleh diserahkan atau dipindahkan hakmilik kepada orang lain.

Lesen pemborong hendaklah berkenaan dengan gerai tertentu

7. (1) Sesuatu lesen pemborong yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah berkenaan dengan sesuatu gerai tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), Datuk Bandar boleh, menurut budi bicaranya, atas suatu permohonan yang dibuat oleh seseorang pemborong, membenarkan pemindahan tapak mana-mana gerai di dalam kawasan pasar borong itu yang menjual barang yang serupa tertakluk kepada pembayaran fi yang dinyatakan dalam Jadual.

Penentuan jenis barang-barang untuk jualan

8. Seseorang pemborong tidak boleh menjual atau menawarkan untuk jualan di sesuatu pasar borong awam apa-apa barang kecuali—

- (a) barang-barang yang dinyatakan dalam lesen itu; dan
- (b) di gerai yang mengenainya dia telah diberikan suatu lesen oleh Datuk Bandar.

Pembatalan lesen

9. Jika Datuk Bandar berpuas hati bahawa telah berlaku pelanggaran apa-apa syarat atau sekatan sesuatu lesen, Datuk Bandar boleh, selepas memberi pemegang lesen itu peluang untuk didengar, membatalkan lesen itu.

Pemegang lesen hendaklah menyerahkan lesen semasa pembatalan

10. Pemegang lesen hendaklah menyerahkan lesennya kepada Datuk Bandar apabila lesen itu dibatalkan.

Penggantian lesen

11. (1) Jika Datuk Bandar berpuas hati bahawa mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini telah hilang, cacat atau rosak, Datuk Bandar boleh mengeluarkan suatu lesen gantian apabila dibayar fi yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Dalam hal sesuatu lesen yang cacat atau rosak, lesen gantian tidak boleh dikeluarkan melainkan jika lesen itu diserahkan kepada Datuk Bandar untuk dibatalkan.

Pemborong dikehendaki hadir di gerai dan pelantikan penama semasa ketiadaannya

12. (1) Seseorang pemborong hendaklah pada setiap masa hadir dan menguruskan perniagaan di gerainya.

(2) Tertakluk kepada perenggan (3), Datuk Bandar boleh mengecualikan mana-mana pemborong daripada kehendak perenggan (1) jika dia berpuas hati dengan sebab-sebab yang diberikan oleh pemborong itu dan Datuk Bandar boleh membenarkan—

(a) mana-mana orang yang diambil bekerja sebagai pembantu di bawah undang-undang kecil 16 untuk mengendalikan perniagaan itu bagi pihak pemborong itu selama tempoh ketiadaan pemborong itu; atau

(b) gerai itu hendaklah ditutup sementara.

(3) Seseorang pemborong hendaklah, jika dia tidak dapat menguruskan perniagaannya selama tempoh lebih tiga puluh hari, memohon secara bertulis kepada Datuk Bandar untuk menamakan seseorang untuk mengambil tempatnya selama tempoh ketiadaannya.

(4) Sesuatu permohonan di bawah perenggan (3) hendaklah—

(a) dibuat secara bertulis kepada Datuk Bandar;

(b) menyatakan nama, alamat terbaru dan nombor kad pengenalan orang yang dicadangkan hendak dinamakan itu; dan

(c) disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran pasport orang itu.

(5) Datuk Bandar boleh—

- (a) meluluskan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (4) selama apa-apa tempoh yang difikirkannya patut; atau
- (b) menolak permohonan itu atau menghendaki pemohon supaya mengemukakan maklumat lanjutan.

(6) Jika Datuk Bandar meluluskan permohonan di bawah subperenggan (5)(a), pemborong itu hendaklah mengemukakan lesennya kepada Datuk Bandar bagi maksud memasukkan butir-butir mengenai penama itu ke dalam lesen itu dan membayar fi yang dinyatakan dalam Jadual.

(7) Seseorang penama hendaklah tertakluk kepada Undang-Undang Kecil ini dan mempunyai tanggungan yang sama sebagaimana pemborong lesen.

Daftar pengendali

13. Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai pengendali di sesuatu pasar borong awam tanpa berdaftar sebagai pengendali dengan Datuk Bandar di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Daftar pembekal

14. (1) Tiada seorang pun boleh membekalkan apa-apa barang di sesuatu pasar borong awam tanpa berdaftar sebagai pembekal.

(2) Seseorang pembekal hendaklah membekalkan apa-apa barang dalam sesuatu pasar borong awam selepas permohonan bagi pendaftaran diluluskan oleh Datuk Bandar di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(3) Seseorang pembekal berdaftar tidak boleh membekalkan apa-apa barang kepada pasar borong persendirian yang terletak dalam lingkungan satu kilometer dari pasar borong awam.

Permohonan pendaftaran sebagai pembekal dan pengendali

15. (1) Sesuatu permohonan untuk mendaftar sebagai pembekal dan pengendali hendaklah dibuat secara bertulis dalam apa-apa borang dan bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Datuk Bandar hendaklah menimbangkan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (1) dan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Apabila permohonan bagi pendaftaran diluluskan di bawah perenggan (2), Datuk Bandar hendaklah mengeluarkan suatu kad pendaftaran kepada pembekal dan pengendali.

Pengambilan seorang pembantu

16. (1) Seseorang pemborong tidak boleh mengambil bekerja mana-mana pembantu tanpa mendapat kelulusan bertulis Datuk Bandar terlebih dahulu.

(2) Sesuatu permohonan bagi suatu kelulusan di bawah perenggan (1) hendaklah—

- (a) dibuat secara bertulis kepada Datuk Bandar;
- (b) menyatakan nama, alamat terbaru dan nombor kad pengenalan orang yang dicadangkan untuk diambil bekerja; dan
- (c) disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran pasport orang itu.

(3) Datuk Bandar boleh meluluskan atau menolak permohonan yang dibuat di bawah perenggan (2).

(4) Jika Datuk Bandar meluluskan permohonan di bawah perenggan (2), pemborong hendaklah mengemukakan lesennya kepada Datuk Bandar bagi maksud memasukkan butir-butir mengenai pembantu itu ke dalam lesen itu.

(5) Seseorang pemborong hendaklah bertanggung ke atas perbuatan pembantunya dan disifatkan telah membenarkan perbuatan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa perbuatan itu dilakukan tanpa pengetahuannya atau pembiarannya atau bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah atau bahawa dia telah mengambil usaha yang wajar bagi mengelakkan berlakunya perbuatan demikian.

Dokumen hendaklah mengandungi butir-butir mengenai barang-barang

17. (1) Tiada barang-barang boleh dibawa masuk ke dalam sesuatu pasar borong awam untuk jualan atau ditawarkan untuk jualan tanpa disertakan dengan dokumen yang mengandungi apa-apa butir mengenai barang-barang itu sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Dokumen yang disebut dalam perenggan (1) boleh diperolehi daripada Datuk Bandar apabila dibayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pembesar suara, dsb. tidak boleh digunakan

18. Seseorang pemborong tidak boleh menggunakan pembesar suara, pelaut suara, mikrofon atau apa-apa peralatan lain untuk menguatkan apa-apa bunyi dalam menjalankan perniagaannya.

Bekas barang-barang

19. (1) Dalam mengendalikan barang-barang, seseorang pemborong, pengendali atau pembekal hendaklah menggunakan hanya bekas-bekas yang diluluskan oleh Datuk Bandar.

(2) Datuk Bandar boleh menyita, memusnahkan atau melupuskan apa-apa bekas yang digunakan oleh seseorang pemborong atau pengendali atau pembekal yang tidak diluluskan oleh Datuk Bandar.

(3) Pemunya apa-apa bekas yang telah disita, dimusnahkan atau dilupuskan oleh Datuk Bandar tidak berhak untuk mendapatkan apa-apa bentuk pampasan.

Memuatkan atau memungkah barang

20. (1) Seseorang tidak boleh memuatkan atau memungkah apa-apa barang dan benda lain dalam sesuatu pasar borong awam selain mengikut masa dan di tempat yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Seseorang tidak boleh meninggalkan kenderaannya bagi jangka masa yang lebih lama daripada yang diperlukan untuk memuatkan atau memungkah barang-barang di tempat yang disebut dalam perenggan (1).

Memakai teg nama atau pengenalan

21. (1) Tiap-tiap pemborong, pengendali, pembekal, penama dan pembantu hendaklah pada setiap masa memakai teg nama atau pengenalannya di bahagian atas pakaiannya dan hendaklah memastikan bahawa teg itu boleh dilihat.

(2) Orang yang disebut dalam perenggan (1) boleh memperoleh teg nama atau pengenalan mereka daripada Datuk Bandar apabila dibayar fi yang dinyatakan dalam Jadual.

Bilik sejuk

22. (1) Datuk Bandar hendaklah mengadakan suatu bilik sejuk di sesuatu pasar borong awam.

(2) Seseorang pemborong berlesen tidak boleh menggunakan apa-apa kemudahan bilik sejuk selain daripada yang disediakan oleh Datuk Bandar di pasar borong awam.

(3) Mana-mana orang boleh menggunakan bilik sejuk di sesuatu pasar borong awam untuk menyimpan barang-barangnya tertakluk kepada—

- (a) pembayaran fi yang dinyatakan dalam Jadual; dan
- (b) apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Datuk Bandar.

(4) Mana-mana orang yang menggunakan sesuatu bilik sejuk hendaklah memastikan bahawa barang-barang yang disimpan di dalam bilik sejuk itu—

- (a) bersih, baik dan tidak tercemar;
- (b) disusun dengan teratur di dalam petak yang sesuai; dan
- (c) disimpan di bawah suhu yang disebut dalam undang-undang kecil 35.

(5) Seseorang tidak boleh—

- (a) menjalankan apa-apa aktiviti di dalam sesuatu bilik sejuk selain aktiviti yang berhubungan dengan penyimpanan barang-barang di dalam bilik sejuk itu; dan
- (b) menggunakan bilik sejuk itu selain mengikut arahan dan masa yang ditetapkan oleh Datuk Bandar.

Kawalan kenderaan yang memasuki pasar borong awam

23. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) memandu kenderaannya ke dalam kawasan pasar borong awam tanpa mempamerkan pelekat yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar di cermin hadapan kenderaannya;
- (b) meletakkan kenderaan di mana-mana tempat selain daripada di tempat yang ditetapkan untuk meletakkan kenderaan dalam kawasan pasar borong awam;
- (c) menghalang atau mengganggu kelancaran arus lalu lintas kenderaan di pasar borong awam; dan
- (d) meletakkan apa-apa barang atau benda di mana-mana bahagian pasar borong awam.

(2) Pelekat yang disebut dalam perenggan (1) boleh diperoleh daripada Datuk Bandar apabila dibayar fi yang dinyatakan dalam Jadual.

Larangan menggunakan dan membekalkan perkhidmatan

24. Seseorang tidak boleh di sesuatu pasar borong—

- (a) menggunakan apa-apa perkhidmatan daripada mana-mana sumber lain jika perkhidmatan sedemikian telahpun disediakan oleh Datuk Bandar atau ejennya di sesuatu pasar borong; dan
- (b) membekalkan apa-apa perkhidmatan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Datuk Bandar.

Mengalihkan perkakas dan bejana

25. Tiada perkakas dan bejana boleh disimpan dalam bahagian pembedoran ikan selepas waktu perniagaan.

Waktu perniagaan

26. Datuk Bandar boleh menentukan waktu perniagaan pasar borong dan seseorang tidak boleh menjalankan perniagaan di luar waktu perniagaan itu.

BAHAGIAN III**PASAR BORONG PERSENDIRIAN****Lesen diperlukan bagi pasar borong persendirian**

27. (1) Tiada seorang pun boleh menubuhkan, mengendalikan atau menjalankan suatu pasar borong persendirian di mana-mana tempat tanpa suatu lesen pasar borong persendirian yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Tiada lesen boleh dikeluarkan bagi pasar borong persendirian yang terletak dalam lingkungan satu kilometer daripada pasar borong awam.

Permohonan bagi lesen pasar borong persendirian

28. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen pasar borong persendirian bagi penjualan barang-barang yang dinyatakan dalam permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Datuk Bandar dalam apa-apa borang dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Datuk Bandar—

(a) hendaklah mempertimbangkan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (1); dan

(b) boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Jika Datuk Bandar meluluskan permohonan di bawah perenggan (2), suatu lesen pasar borong persendirian hendaklah dikeluarkan—

(a) dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar;

(b) tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan patut oleh Datuk Bandar;

(c) apabila dibayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

(d) tertakluk kepada pembayaran deposit apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar untuk memastikan bahawa syarat dan sekatan lesen itu dan peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi dengan sewajarnya; dan

(e) selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual pada atau sebelum tarikh habis tempoh lesen itu dan pembayaran deposit sebagaimana dalam subperenggan (d), jika apa-apa pematangan telah dibuat kepadanya.

Fi tidak boleh dibayar balik

29. Fi yang dibayar bagi sesuatu lesen pasar borong persendirian tidak boleh dibayar balik jika pemegang lesen berhenti mengendalikan pasar borong persendirian itu sebelum tamat tempohnya.

Bayaran balik deposit

30. Deposit yang dibayar di bawah subperenggan 28(3)(d) atau apa-apa baki deposit itu hendaklah, melainkan jika dilucuthakkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, dibayar balik kepada pemegang lesen tanpa pelarasan bagi bunga ke atas amaun yang didepositkan itu apabila pemegang lesen itu telah—

(a) berhenti mengendalikan pasar borong persendirian itu; atau

(b) menyerahkan lesen itu kepada Datuk Bandar pada bila-bila masa.

Notis pemberhentian

31. Seseorang pemegang lesen hendaklah memberitahu Datuk Bandar secara bertulis sebaik sahaja dia telah berhenti mengendalikan suatu pasar borong persendirian.

Pelucuthakan deposit dan pembatalan lesen

32. (1) Jika Datuk Bandar berpuas hati bahawa telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan sesuatu lesen pasar borong persendirian atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini, Datuk Bandar boleh, selepas memberi pemegang lesen peluang untuk didengar, melucuthakkan deposit yang dibayar menurut undang-undang kecil 28 secara keseluruhannya atau sebahagiannya.

(2) Jika pelucuthakan deposit itu ialah sebahagian sahaja, maka amaun yang tidak dilucuthakkan hendaklah dibayar balik kepada pemegang lesen itu tanpa pelarasan untuk bunga bagi amaun itu.

(3) Apabila deposit itu dilucuthakkan, lesen bagi pasar borong persendirian hendaklah disifatkan telah terbatal melainkan jika pemegang lesen membayar balik deposit yang dikehendaki dibayar di bawah subperenggan 28(3)(d) tetapi tanpa menjejaskan kuasa Datuk Bandar untuk enggan menerima pembayaran sedemikian.

Penyerahan lesen pasar borong persendirian

33. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menyerahkan lesennya kepada Datuk Bandar apabila pemegang lesen itu telah berhenti mengendalikan perniagaan atau apabila lesen itu dibatalkan di bawah undang-undang kecil 32.

Meja, dsb. untuk mempamerkan barang-barang

34. Semua meja, kaunter, bangku panjang atau petak peraga yang digunakan untuk mempamerkan barang-barang untuk jualan atau yang ditawarkan untuk jualan hendaklah diliputi marmar, jubin bergerlis, keluli tahan karat, mozek, aluminium, gelas atau apa-apa bahan lain sebagaimana yang diluluskan oleh Datuk Bandar.

Bilik sejuk di pasar borong persendirian

35. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengadakan suatu bilik sejuk di pasar borong persendirian mengikut pelan dan spesifikasi yang diluluskan oleh Datuk Bandar.

(2) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa menyenggarakan bilik sejuk itu dalam keadaan baik dan boleh digunakan dengan efisien.

(3) Pemegang lesen hendaklah menyahfroskan dan mencuci bilik sejuk itu mengikut jadual masa yang ditetapkan oleh Datuk Bandar.

(4) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa barang-barang yang disimpan di dalam bilik sejuk—

(a) bersih, baik dan bebas daripada pencemaran;

(b) disusun dengan teratur di dalam petak yang sesuai; dan

(c) disimpan di bawah suhu yang disebut dalam undang-undang kecil 37.

Pencahayaan dan pengalihan udara

36. (1) Adalah menjadi tanggungjawab seseorang pemegang lesen untuk memastikan bahawa terdapat pencahayaan, pengalihan udara dan bekalan air yang mencukupi di dalam pasar borong persendiriannya sehingga memuaskan hati Datuk Bandar.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah pada setiap masa memastikan pasar borong persendiriannya dialihudarakan dengan sepatutnya dan apa-apa pengalihan udara yang secara elektrik atau mekanik hendaklah dijaga dalam keadaan baik dan boleh digunakan dengan efisien.

BAHAGIAN IV**PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN BARANG-BARANG****Kehendak bagi pengendalian dan penyimpanan barang-barang**

37. Semua barang hendaklah dikendalikan dan disimpan dengan mematuhi Akta Makanan 1983 [*Akta 281*] dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta itu dan mengikut kehendak yang berikut:

- (a) semua barang sejuk beku hendaklah disimpan secara berterusan pada suhu di bawah takat beku 18°C dan tidak boleh dinyahsejuk beku sebelum dijual;
- (b) perkakas, bungkusan atau apa-apa benda lain yang digunakan bagi menyimpan barang-barang hendaklah bersih dan tahan warna;
- (c) kertas atau bahan yang tidak bersih dan tidak tahan warna tidak boleh digunakan untuk membungkus barang-barang;
- (d) daging atau ikan sejuk beku hendaklah dijual dalam keadaan sejuk beku pada suhu di bawah takat beku 18°C ;
- (e) daging dan ikan segar hendaklah didedahkan untuk jualan pada suhu tidak lebih daripada 2°C ;
- (f) semua alat, bungkusan atau bekas yang digunakan untuk membungkus buah dan sayur tidak boleh dibuat daripada bahan yang akan mencemarkan atau menukar warna atau rasa buah atau sayur itu, atau menyebabkan buah atau sayur itu dalam keadaan yang memudaratkan kesihatan;
- (g) daging atau ikan tidak boleh dipamerkan untuk jualan selama lebih daripada empat jam melainkan jika daging atau ikan itu ditempatkan di dalam suatu kotak sejuk pada suhu tidak lebih daripada 2°C ;
- (h) sayur atau buah hendaklah dibungkus sedemikian cara bagi memastikan bahawa terdapat pengalihan udara yang mencukupi di dalam bungkusan itu supaya wap tidak kelihatan di dalam bungkusan itu;
- (i) sayur dan buah hendaklah segar dan tidak dinyahhidratkan, dan tidak boleh bertukar warna atau rosak;

- (j) sayur atau buah tidak boleh dipamerkan atau didedahkan untuk jualan selama lebih daripada empat jam melainkan jika sayur atau buah itu diletakkan dalam suatu persekitaran yang terkawal sebagaimana yang dikehendaki bagi mengekalkan kesegarannya;
- (k) semua bungkusan, alat atau bekas yang telah digunakan terdahulu hendaklah dibasuh sebelum bungkusan, alat atau perkakas itu digunakan semula untuk menghantar atau membungkus barang-barang untuk jualan;
- (l) bungkusan yang telah digunakan terdahulu tidak boleh digunakan semula untuk membungkus barang-barang selain barang-barang daripada jenis yang sama;
- (m) barang-barang tidak boleh dihantar atau dibawa ke dalam sesuatu pasar borong tanpa ditutup atau dibungkus mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Datuk Bandar; dan
- (n) semua bejana, alat, bungkusan atau bekas yang digunakan bagi mengisi makanan basah atau makanan cepat rosak hendaklah mempunyai permukaan yang licin dan kalis air.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

Lesen hendaklah dipamerkan

38. Semua lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah pada setiap masa dipamerkan di bahagian yang mudah dilihat di tempat perniagaan dan lesen itu hendaklah dikeluarkan untuk pemeriksaan dan apabila dikehendaki oleh pekerja-pekerja Datuk Bandar.

Penjualan barang-barang yang tidak menyihatkan, dsb. tidak dibenarkan

39. (1) Seseorang tidak boleh menjual atau menawarkan untuk jualan di sesuatu pasar borong apa-apa barang yang tidak menyihatkan, busuk dan tidak sesuai dimakan oleh manusia.

(2) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai kesihatan boleh memeriksa, meneliti atau menyita apa-apa barang yang tidak menyihatkan, busuk dan tidak sesuai dimakan oleh manusia dan boleh memerintahkan supaya barang-barang itu dimusnahkan.

Kacau ganggu

40. Tiada seorang pun boleh menyebabkan apa-apa kacau ganggu di sesuatu pasar borong.

Pemeriksaan perubatan

41. (1) Datuk Bandar boleh pada bila-bila masa mengarahkan supaya mana-mana pemborong, pemegang lesen, pengendali, pembekal, penama atau pembantu menjalani pemeriksaan perubatan.

(2) Pemeriksaan perubatan sedemikian hendaklah dijalankan oleh seorang pegawai perubatan atau pegawai kesihatan yang dilantik atau diluluskan oleh Datuk Bandar.

(3) Jika mana-mana orang yang diperiksa sedemikian didapati oleh pegawai perubatan atau pegawai kesihatan itu mengidap penyakit berjangkit atau infeksi atau apa-apa penyakit kulit yang berbahaya atau pada pendapat pegawai perubatan atau pegawai kesihatan itu, berkemungkinan menjadi punca infeksi, Datuk Bandar hendaklah dengan serta-merta menghilangkan kelayakan orang yang mengidap penyakit itu daripada mengendalikan barang-barang atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti pasar borong sehingga suatu masa pegawai perubatan atau pegawai kesihatan itu mengesahkan bahawa orang itu telah sembuh atau tidak lagi berkemungkinan menjadi punca infeksi.

(4) Mana-mana orang yang—

- (a) enggan menjalani pemeriksaan perubatan apabila diarahkan berbuat demikian; atau
- (b) setelah menjalani pemeriksaan perubatan dihilangkan kelayakan di bawah perenggan (3),

tidak boleh terus bekerja di mana-mana pasar borong.

Orang yang dilarang

42. Seseorang yang—

- (a) mengidap penyakit yang boleh merebak;
- (b) merupakan pembawa apa-apa penyakit infeksi;
- (c) mengidap apa-apa penyakit yang menyebabkan keluarnya nanah atau serum dari mana-mana bahagian badan atau penyakit kulit yang lain;
- (d) mempunyai sebab untuk mempercayai atau menyaki bahawa dia berkemungkinan menyebarkan organisme pembiak penyakit; atau
- (e) ada membuat perhubungan dengan mana-mana orang yang mengidap penyakit yang boleh merebak,

tidak boleh menjual atau menawarkan untuk jualan atau mengendalikan apa-apa barang di pasar borong itu.

Kebersihan

43. Seseorang yang mengendalikan—

- (a) gerai di pasar borong awam; atau
- (b) pasar borong persendirian,

hendaklah memastikan bahawa tempat perniagaannya dan perkakas lain yang berhubungan dengan perniagaannya dalam keadaan bersih dan baik pada setiap masa.

Kebersihan diri

44. Mana-mana orang yang melibatkan diri dalam penjualan barang-barang di sesuatu pasar borong hendaklah menguruskan diri dan pakaiannya dalam keadaan bersih pada setiap masa.

Pengadaan tong sampah dan pelupusan sampah

45. Tiap-tiap pemborong dan pemegang lesen hendaklah mengadakan—
- (a) tong atau bekas sampah yang mencukupi daripada apa-apa jenis dan saiz sebagaimana yang diluluskan oleh Datuk Bandar bagi pelupusan sampah dan tong atau bekas sampah itu hendaklah dilapik dengan beg plastik; dan
 - (b) takungan khas sebagaimana yang diluluskan oleh Datuk Bandar bagi melupuskan semua sampah pepejal yang busuk atau basah atau apa-apa bahan kohong yang lain dan hendaklah melupuskan atau memusnahkannya mengikut arahan Datuk Bandar.

Racun perosak dilarang

46. (1) Seseorang tidak boleh menyediakan, membawa masuk atau menyemburkan apa-apa racun perosak di mana-mana bahagian pasar borong atau bilik sejuk kecuali dengan kebenaran Datuk Bandar.

(2) Datuk Bandar boleh, pada bila-bila masa setelah memberikan notis bertulis kepada pemborong atau pemegang lesen, memasuki mana-mana pasar borong untuk membuat apa-apa kerja bagi membinasakan atau membuang apa-apa makhluk perosak di pasar borong itu.

(3) Bagi maksud menjalankan kerja yang dinyatakan dalam perenggan (2), Datuk Bandar boleh mengarahkan pemborong atau pemegang lesen untuk mengambil apa-apa langkah untuk mengelakkan barang-barang di pasar borong itu daripada dicemari oleh racun perosak dan pemborong dan pemegang lesen itu hendaklah mematuhi arahan yang diberikan oleh Datuk Bandar.

Merokok dilarang

47. Seseorang tidak boleh menghisap apa-apa rokok atau apa-apa hasil tembakau dalam sesuatu pasar borong.

Pengecualian

48. (1) Datuk Bandar boleh mengecualikan mana-mana orang daripada—
- (a) pembayaran keseluruhan atau sebahagian apa-apa fi yang kena dibayar di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau
 - (b) mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Walau apa pun perenggan (1), suatu pengecualian di bawah undang-undang kecil ini boleh ditarik balik oleh Datuk Bandar pada bila-bila masa dan hendaklah terhenti berkuat kuasa dari tarikh penyerahan notis mengenai penarikan balik itu.

Kecualian

49. Mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil Pasar (Wilayah Persekutuan) 1984 hendaklah terus berkuat kuasa sehingga habis tempoh lesen itu.

Penalti

50. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

JADUAL

F1

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR BORONG
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2002
(Undang-undang kecil 4, 7, 11, 12, 17, 21, 22, 23 dan 28)

| | | |
|---|------|--|
| 1. Lesen pemborong setahun | | Tidak melebihi RM2000.00 |
| 2. Pemindahan gerai | | RM1000.00 |
| 3. Lesen gantian | | Tidak melebihi RM300.00 setiap lesen |
| 4. Memasukkan butir-butir penama ke dalam lesen | | RM1000.00 setiap permohonan |
| 5. Buitr-butir barang | | Tidak melebihi RM12.00 setiap buku |
| 6. Teg nama atau pengenalan | | Tidak melebihi RM20.00 setiap teg |
| 7. Penggunaan bilik sejuk di pasar borong awam | | RM100.00 satu meter persegi setahun |
